

## Impak Pandemik COVID-19 dalam Penulisan Puisi di Malaysia

*The Impact of the COVID-19 Pandemic and the Poetry Writing in Malaysia*

Rosmah Derak

[rosmah@ums.edu.my](mailto:rosmah@ums.edu.my)

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Nor Ain Manap

[ainmanap@ums.edu.my](mailto:ainmanap@ums.edu.my)

Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Arfah Ahamad

[arfah@ipsah.edu.my](mailto:arfah@ipsah.edu.my)

IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani, Kedah, Malaysia

**Received:** 28 April 2021; **Accepted:** 23 June 2021; **Published:** 29 June 2021

**To cite this article (APA):** Derak, R., Manap, N. A., & Ahamad, A. (2021). Impak Pandemik COVID-19 dalam Penulisan Puisi di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 49-57. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.5.2021>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.5.2021>

### ABSTRAK

Saranan daripada kerajaan untuk sentiasa kekal berada di rumah (*Just stay at home*) bagi mengekang penularan jangkitan pandemik COVID-19 dalam tempoh beberapa bulan menjadi satu titik tolak kepada lahirnya karya-karya sastera khususnya puisi tentang COVID-19 di Malaysia. Puisi-puisi ini bukan sahaja ditulis oleh golongan pengarang yang berkecimpung dalam bidang kesusasteraan, tetapi juga ditulis oleh golongan masyarakat yang cukup terkesan dengan pandemik ini. Justeru, makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti isu-isu tentang pandemik COVID-19 dan menganalisis impak pandemik ini terhadap kehidupan manusia sebagaimana yang tergambar dalam kumpulan puisi atau antologi puisi tentang COVID-19 yang terbit pada tahun 2020. Kajian ini ialah kajian kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan, analisis kandungan dan analisis deskriptif terhadap kumpulan puisi/antologi puisi tentang COVID-19. Hasil kajian mendapati, isu-isu tentang COVID-19 telah mendapat tempat dalam kalangan penyair dan masyarakat seterusnya merencanakan lagi aktiviti sastera ketika dunia sedang berdepan dengan pandemik ini. Para penyair telah berjaya mengungkapkan impak pandemik COVID-19 terhadap kehidupan masyarakat sama ada dalam aspek psikologi, sosial, agama, budaya, pendidikan, kesihatan dan ekonomi. Oleh hal yang demikian, penerbitan kumpulan puisi atau antologi puisi COVID-19 ini dapat menjadi rujukan penting pada masa yang akan datang kerana berjaya merakam pelbagai peristiwa pahit getir yang dilalui masyarakat akibat pandemik COVID-19.

**Kata kunci:** puisi Melayu; pandemik COVID-19; perintah kawalan pergerakan; sastera

### ABSTRACT

*The suggestion from the government to just stay at home to prevent the spread of COVID-19 virus infection became a starting point for the emergence of literary works, especially poetry about COVID-19 in Malaysia. These poems were not only written by a group of authors who established in the field of literature but also written by a group of people who were quite affected by the COVID-19 pandemic. Thus, this paper aims to identify issues about covid-19 pandemic and analyze the impact of this pandemic on human life as depicted in a collection of poems or poetry anthologies about covid-19 that published in 2020. The study was conducted using qualitative mods that involve a literature review, content analysis, and descriptive analysis to expound the collection of poems/ poetry anthologies about COVID-19. This study showed that the issues of COVID-19 have found a place among poets and society, further boosting literary activities when the world is facing this pandemic. The poets have successfully expressed the impact of the COVID-19 pandemic on*

*the life of the community whether in the term of psychological, social, religious, cultural, educational, health and economic aspects. Essentially, the publication of this collection of poems or an anthology of poems COVID-19 can be an important reference in the future because it successfully records the various bitter events that society went through as consequences of the COVID-19 pandemic.*

**Keywords:** *malay poetry; COVID-19 pandemic; movement control order; literature*

## **PENGENALAN**

COVID-19 telah diisytiharkan oleh *World Health Organization* (WHO) sebagai pandemik pada 11 Mac 2020 (WHO, 2020) dan berpunca daripada koronavirus Sindrom Pernafasan Akut Teruk 2 (SARS-CoV-2) (Stephan Ludwig dan Alexander Zarbock, 2020). COVID-19 atau *Coronavirus Disease 2019* telah dilaporkan bermula pada Disember 2019 di Wuhan, China. Ia merupakan salah satu keluarga virus berbahaya yang memberikan pelbagai kesan penyakit seperti selsema, penyakit pernafasan yang lebih teruk serta boleh membawa kepada kematian. Permulaan kemunculannya, terdapat pelbagai istilah digunakan untuk merujuk kepada virus ini, antaranya Wuhan Virus, Chinese Virus, Coronavirus Wuhan, 2019-nCoV sehinggalah *World Health Organization* (WHO) mengumumkan nama rasmi wabak ini sebagai COVID-19 pada 11 Februari 2020 (Sazelin Arif, Norain Ismail dan Zawiah Mat, 2020: xix).

Kehadiran virus ini telah menyebabkan seluruh dunia mengenakan perintah kawalan di negara masing-masing bagi membendung penularan virus COVID-19. Di Malaysia, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama telah bermula pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020. Seterusnya, PKP bersambung secara berperingkat hingga 3 Mei 2020 iaitu selama 47 hari bagi mengawal penularannya. Usaha yang dilakukan oleh kerajaan ini telah menimbulkan kegusaran dalam kalangan rakyat apabila hampir keseluruhan aktiviti perniagaan, pendidikan, aktiviti sosial, keagamaan, sukan dan hiburan tidak dibenarkan beroperasi. Peristiwa ini telah meninggalkan kesan psikologi kepada masyarakat kerana mereka tidak boleh keluar rumah tanpa sebarang urusan penting selain ramai yang hilang pekerjaan akibat pandemik ini.

Situasi pandemik dan PKP telah mendapat perhatian penulis-penulis kreatif dalam menghasilkan karya-karya mereka. Sebagai perakam zaman dan memiliki daya sensitiviti yang tinggi, penulis-penulis kreatif menghasilkan penceritaan tentang peristiwa yang berlaku ketika pandemik ke dalam bentuk karya kesusasteraan seperti cerpen, syair, puisi dan sebagainya (Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali dan Muhammad Wafi Ramli, 2021: 2-3). Dalam konteks penulisan puisi, ramai penulis yang merakamkan situasi pandemik ini melalui puisi bagi meluahkan segala emosi dan perasaan ketika berdepan dengan Perintah Kawalan Pergerakan akibat penularan COVID-19 ini. Sesungguhnya, musuh yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar ini telah merancakkan lagi kegiatan kesusasteraan khususnya penulisan puisi yang banyak dimuat naik dalam media sosial seperti Facebook, Blog dan saluran Youtube. Malah, menurut Mohd Saipuddin Suliman, Yamamoto Hiroyuki, Nordiana Ab. Jabar, Lim Ying dan Mimi Suriani Mat Daud (2021) “pandemik COVID-19 telah memberi harapan baharu dalam lapangan kesusasteraan apabila banyak pertandingan, deklamasi dalam talian serta penerbitan antologi puisi dijalankan seperti cendawan tumbuh selepas hujan” (hlm. 14).

Empat buah kumpulan/antologi puisi yang dikaji dalam makalah ini merupakan antara sebahagian daripada puisi-puisi yang telah berjaya diterbitkan pada tahun 2020 yang menonjolkan isu-isu tentang pandemik COVID-19 dan impak pandemik COVID-19 terhadap kehidupan masyarakat. Kumpulan puisi tersebut ialah *Merentas Gempita Pandemik 2020* karya Lim Swee Tin, antologi puisi *Petaka Virus*, antologi puisi *Betapa Berat* dan antologi *COVID-19 Ibrah Buat Umat*. Pemilihan antologi puisi ini dilakukan secara rawak bagi mewakili puisi-puisi yang bertemakan pandemik COVID-19 yang telah terbit pada tahun 2020.

## **PUIISI**

Puisi adalah bahasa yang berirama dan mampu membangkitkan imaginasi dan emosi manusia. Sebagai sebuah karangan yang berirama, puisi dapat menyampaikan pemikiran manusia tentang sesuatu perkara sama ada melalui pengalaman, imaginasi, dan pemerhatian penyair berhubung kait dengan kehidupan manusia dengan bahasa yang indah. Menurut Abdul Halim Ali (2006) “puisi adalah susunan perkataan yang terbaik untuk menghidangkan sesuatu yang signifikan. Puisi ialah cabang seni yang menggunakan pengucapan dan lagu untuk menyingkap kenyataan-kenyataan yang dirakamkan oleh deria manusia, yang dihormati oleh perasaan, yang ditanggapi oleh akal dan yang disusun oleh imaginasi. Puisi ialah pemikiran yang muzikal sifatnya” (hlm. 1).

Puisi bukan sekadar membentuk bunyi-bunyi yang indah, irama atau gambaran sesuatu tetapi perlu menyampaikan idea yang tinggi dan perasaan yang mendalam. Di samping bahasanya yang indah, puisi juga adalah untuk merakamkan sesuatu yang penting dalam pengalaman manusia, malah lebih jauh lagi, puisi bukan sekadar merekodkan sesuatu yang signifikan tetapi juga memberi interpretasi kepada pengalaman itu. Dalam erti kata yang lain, puisi ialah rekod dan interpretasi pengalaman manusia yang signifikan, digubah melalui sesuatu bentuk lewat gaya bahasa yang paling berkesan. Pengalaman manusia itu mungkin pengalaman mental, emosional, fizikal, benar atau khayalan tetapi signifikan dan bermakna. Dalam satu aspek, pengalaman itu sendiri ialah teras puisi. Ia adalah reaksi peribadi penyair kepada sesuatu yang ‘external’ ataupun ‘internal’ (Shahnon Ahmad, 2006: 315-316).

Puisi terbahagi kepada dua bentuk puisi, iaitu puisi Melayu tradisional dan puisi Melayu moden. Menurut Abdul Halim Ali (2006) “puisi tradisional merupakan satu bentuk kesusasteraan Melayu tradisional yang terdiri daripada pelbagai genre atau bentuk. Puisi tradisional ini meliputi pantun, teromba, peribahasa, teka-teki, mantera dan prosa berirama, syair dan sebagainya. Manakala puisi Melayu moden pula dikenali sebagai sajak” (hlm. 1). Ia dikatakan baru atau moden kerana ia memiliki sifat-sifat yang tidak begitu terikat kepada bentuk-bentuk puisi lama yang dianggap lebih ketat dan mengongkang. Pernyataan fikiran penyair disebarikan secara bebas dan dinamis. Perasaan dan curahan hati mereka dapat dilahirkan dengan yakin dan puas. Segala yang diucapkan terasa lunak, licin, segar, indah, bebas dan bertenaga. Pada dasarnya, puisi Melayu moden masih berupa karangan berangkap walaupun cara penulisannya baru dengan unsur-unsur dan penggunaan kepelbagaian gaya bahasa” (Ani Omar, 2012: 202). Puisi Melayu moden sentiasa hidup dan membesar dalam setiap jiwa individu yang meminati dan cenderung kepadanya. Hal ini ada kaitannya dengan sifat puisi moden itu sendiri yang mendokong pernyataan pengalaman manusia dalam bentuk yang sangat puitis (Abdul Halim Ali, 2013: ix).

Peranan penulis dalam mengangkat tema COVID-19 dalam karya-karya mereka memperlihatkan kerelevanan sastera dalam kehidupan manusia. Menurut Sara Beden (2019) “sastera tidak terhasil dengan kekosongan sebaliknya sumber-sumber yang berlegar di persekitaran, pengalaman, pemerhatian, pembacaan, perenungan dan penyelidikan dikongsi dan ditukangi sehingga menjadi kesatuan pemikiran” (hlm. 37). Sejajar dengan pandangan tersebut, dapat dikatakan bahawa kemunculan puisi-puisi yang bertemakan pandemik COVID-19 merupakan satu rakaman tentang pengalaman manusia dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19 dalam bentuk karya kreatif. Segala pengalaman, pemerhatian, perenungan terhadap isu pandemik COVID-19 dituangkan dalam bentuk kata-kata yang indah dan puitis sehingga terhasillah puisi tentang COVID-19 yang banyak tersiar sama ada di media sosial mahupun dalam bentuk antologi yang sudah diterbitkan.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian ini ialah mengenal pasti isu-isu tentang pandemik COVID-19 dan menganalisis impak pandemik COVID-19 terhadap kehidupan masyarakat sebagaimana yang tergambar dalam kumpulan puisi/antologi puisi yang dikaji.

## **SOROTAN KAJIAN**

Penelitian secara khusus terhadap impak pandemik COVID-19 di Malaysia terhadap penulisan dan penerbitan puisi belum dilakukan oleh mana-mana sarjana. Namun begitu, beberapa kajian tentang pandemik COVID-19 dalam karya sastera seperti cerpen dan buku cerita kanak-kanak dapat dihubungkan dengan kajian yang dilakukan ini. Kajian bertajuk *Impak pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya di Malaysia* telah dilakukan oleh Mohd Saipuddin Suliman, Yamamoto Hiroyuki, Nordiana Ab. Jabar, Lim Ying dan Mimi Suriani Mat Daud (2021). Kajian ini menganalisis impak pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya serta mengidentifikasikan cabaran yang dihadapi dalam bidang bahasa, sastera dan budaya semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan. Dapatan kajian mendapati bahawa wujud istilah bahasa baharu yang digunakan seperti ‘Norma Baharu,’ ‘Normal Baharu,’ ‘Kebiasaan Baharu’ yang perlu dijelaskan cara penggunaannya kepada masyarakat. Dalam bidang sastera pula, kegiatan penulisan puisi bertambah rancak dengan adanya aktiviti sastera seperti pertandingan menulis puisi, deklamasi sajak dalam talian serta penerbitan antologi puisi semasa pandemik COVID-19. Manakala dalam aspek budaya pula, masyarakat Malaysia dilihat telah mengamalkan gaya hidup baharu sesuai dengan saranan kerajaan untuk mengekang penularan COVID-19.

Kajian seterusnya oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali dan Muhammad Wafi Ramli (2021) adalah berkaitan dengan impak PKP terhadap golongan miskin menerusi cerpen *Kuncitara*. Artikel bertajuk *Impak Perintah Kawalan Pergerakan terhadap Golongan Miskin: Satu Analisis Cerpen “Kuncitara”* ini membincangkan impak PKP terhadap golongan miskin sebagaimana yang diketengahkan dalam cerpen tersebut. Kajian mendapati, terdapat enam permasalahan yang membelenggu kehidupan golongan miskin ketika PKP sebagaimana yang tergambar dalam cerpen, iaitu ketidakstabilan emosi, tekanan hidup, keganasan tingkah laku, masalah sosial, ancaman kesihatan dan ingkar terhadap arahan kerajaan untuk sentiasa berada di rumah ketika pandemik COVID-19.

Terdapat dua buah kajian yang membincangkan tentang situasi kanak-kanak dalam menghadapi pandemik COVID-19. Rohayati Junaidi, Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Madiawati Mamat@Mustaffa (2020) telah menulis artikel bertajuk *Pandemik COVID-19 dalam persekitaran kanak-kanak menerusi Engkaulah Adiwiraku*. Cerita kanak-kanak ini telah dianalisis dengan menggunakan Pendekatan Ekologi bagi melihat persekitaran kanak-kanak dalam karya ketika berdepan dengan pandemik COVID-19. Dapatan kajian mendapati, setiap persekitaran dapat membantu memberi sokongan moral kepada kanak-kanak untuk berhadapan dengan pandemik COVID-19. Ulasan buku *Engkaulah Adiwiraku: Bagaimana Kanak-kanak Boleh Melawan COVID-19* oleh Anida Sarudin (2020) menunjukkan bahawa buku cerita ini dapat menjadi medium pengetahuan kepada kanak-kanak dalam memahami dan menangani COVID-19. Berdasarkan dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa karya sastera mampu merakamkan segala aspek kehidupan manusia dalam bentuk karya kreatif seperti sajak, cerpen, novel dan drama.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan kajian kepustakaan untuk mencari bahan-bahan bercetak seperti buku dan jurnal-jurnal yang berkaitan dengan kajian serta kumpulan puisi/antologi puisi COVID-19 yang terbit pada tahun 2020. Kaedah analisis kandungan dan analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti isu-isu tentang pandemik COVID-19 dan menganalisis impak pandemik terhadap kehidupan masyarakat sebagaimana yang tergambar dalam kumpulan/antologi puisi yang dikaji.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Pandemik COVID-19 telah meninggalkan impak yang begitu besar terhadap kehidupan manusia di serata dunia. Ramai yang kehilangan pekerjaan, sumber pendapatan terjejas, mengalami tekanan, resah, gelisah, bosan, murung selain tidak dapat keluar rumah untuk bersosial dan bekerja serta menjejaskan keseluruhan aspek kehidupan manusia. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 untuk membendung penularan pandemik ini telah bermula pada bulan Mac 2020 dan disambung secara berperingkat bagi menghentikan penularan pandemik ini. Perkara ini telah merancakkan kegiatan sastra bukan hanya di Malaysia tetapi juga di serata dunia. Para penyair merakamkan peristiwa pahit getir yang dilalui ini dalam bentuk karya kreatif seperti puisi yang banyak bertebaran di media sosial dan juga penerbitan antologi puisi berkaitan pandemik COVID-19. Selain puisi penghargaan kepada para pahlawan negara, puisi-puisi ini juga banyak memaparkan impak pandemik terhadap kehidupan masyarakat sebagaimana yang terpapar dalam kumpulan puisi/antologi puisi yang dibincangkan.

### **Kumpulan Puisi Merentas Gempita Pandemik 2020 karya Lim Swee Tin**

Pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada penyair terkenal Lim Swee Tin dan peristiwa tersebut dirakamkan dalam bentuk puisi sebagaimana yang terakam dalam *Merentas Gempita Pandemik 2020*. Kumpulan puisi ini telah mencatat rekod dalam *The Malaysia Book of Records* sebagai Puisi COVID-19 yang terpanjang pernah dihasilkan (*Longest COVID-19 Pandemic Poem 2020*) terbitan Penerbit Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Kumpulan puisi ini menghimpunkan 57 puisi tentang pandemik COVID-19 yang berkaitan dengan impak COVID-19 kepada masyarakat dan negara antaranya terpancar dalam sajak bertajuk *Terpinga, Terkesima, PKP-MCO, Benar, Kita Sedang, Menjunam, Dalam Kelekaan, Lelaki Gelisah, Cerita Hari ini, Gandum, Di Lingkungan Pandemik, Seketika Menahan Kesabaran* dan *Di Sarang PKP*. Kesan-kesan yang dihadapi manusia bukan sahaja tentang ketakutan, kebimbangan tetapi juga berkaitan dengan pengamalan normal baharu dalam kehidupan sebagaimana yang disampaikan dalam sajak bertajuk *Mencari Normal Baharu* dan *Normal Baharu*.

Kebimbangan masyarakat terhadap pandemik yang telah meragut nyawa jutaan penduduk di seluruh dunia ini boleh dilihat antaranya dalam sajak bertajuk *Cerita Hari ini* dan *Setelah 100 Hari*. Sajak tentang hikmah, iktibar dan pengajaran yang boleh diambil di sebalik pandemik ini terserlah dalam sajak bertajuk *Melihat, Manusia Masih Belum Punya Apa-Apa, Mengandaikan Penghujungan* dan *Sebuah Lorong Kota*.

Bagi menghargai usaha dan sumbangan para wira yang bertungkus lumus memastikan jangkitan COVID-19 dapat diputuskan, sajak bertajuk *Barisan Hadapan, Mereka Wira Kita* dan *Di Hadapan Tanggungjawab* didedikasikan oleh Lim Swee Tin kepada semua petugas barisan hadapan negara yang berperanan penting untuk mengawal penularan COVID-19. Sajak dengan judul *Ada Seorang Perancang Bijaksana* dan *Berdiri Seorang Wira* pula ditujukan khas kepada Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia iaitu Tan Sri Dato' Dr. Noor Hisham Abdullah bagi menghargai usaha dan sumbangan beliau dalam memastikan jangkitan COVID-19 dapat diputuskan.

Selain itu, Lim Swee Tin juga menulis tentang pertelingkahan kuasa besar dunia seperti Amerika dan China yang mungkin menjadi dalang kepada tercetusnya pandemik COVID-19 melalui sajak *Perlawanan Kata-Kata* dan *Sedang Sengketa*. Ketidakpedulian Pemimpin Amerika Syarikat (Trump) terhadap rakyatnya pula boleh dilihat dalam sajak bertajuk *Di Tengah-Tengah Trump*. Asal-usul virus yang dikatakan bermula dari Wuhan dan kini tersebar di serata dunia juga dipaparkan oleh penyair dalam sajak bertajuk *Perkhabaran Kecil dari Wuhan*, *Berita Corona Wuhan*, *Kalaulah Wuhan* dan *Sebuah Konfesi*.

### **Antologi Puisi *Petaka Virus dan Betapa Berat***

Antologi puisi *Petaka Virus dan Betapa Berat* menghimpunkan dua bentuk puisi iaitu puisi moden atau lebih dikenali sebagai sajak dan puisi tradisional seperti gurindam, pantun, syair, seloka dan nazam. Berdasarkan analisis terhadap kedua-dua antologi puisi ini jelas menunjukkan para penyair merasa cukup terkesan dengan penularan jangkitan COVID-19. Mereka berkongsi perasaan bimbang, takut, sedih dan tertekan akibat penularan pandemik ini apabila kerajaan mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada fasa pertama. Penularan COVID-19 ini juga dilihat dari sudut kaca mata yang berbeza.

Terdapat penyair yang mengaitkan pandemik ini sebagai ujian daripada Allah untuk menguji umat-NYA sebagaimana yang terserlah menerusi beberapa buah karya. Dalam antologi puisi *Petaka Virus*, sajak bertajuk *Petaka Sang Virus* karya Awang Sariyan, *Sujud Yang Dirindu Di Rumah-MU* karya Azman Rahmat atau Zamankasih, *Murka Tuhan di Tanah Air Kita* karya M Mascita Mansor, *Muhasabah* karya Masdarina Mohd Ani, *Pendosa* karya RHI, *Teguran Dari Tuhan* karya Shin Min Rin Mona, *Syair Ujian Derita* karya Shahrul Aman, *Mencari Hikmah Dalam Musibah Muhasabah Diri Kala Petaka* karya Zulkifli Zainudin, *Peperangan Sepi* oleh Suffiah Muhamad, *Apa Yang COVID-19 Ajari Kita* karya Nurhajar merupakan antara karya-karya yang mengajak manusia meminta pertolongan daripada Allah, kembali semula kepada Allah serta mengajak manusia untuk mencari hikmah akibat pandemik ini. Manakala dalam antologi puisi *Betapa Berat* ia terserlah antaranya dalam sajak bertajuk *Kita Tidak Mampu Mengundur Diri* dan nazam *Covid Korona* karya Ab. Rani Embi, *Tuhan Menjelingi Kita* karya Istajib Mokhtar, sajak *Hanya Kepada-Mu* karya Fadli Fuzi dan pantun *Keinsafan Kerana Virus Korona* karya Aisah Seydalavi. Puisi-puisi ini mengajak pembaca untuk muhasabah diri dan yakin dengan ketentuan Allah yang mendatangkan penyakit tersebut dan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memerangi virus COVID-19.

Dalam aspek semangat perjuangan pula, sajak bertajuk *Dikau Seorang Pejuang* karya Awang Sariyan, *Bersabarlah Dengan Kehadirannya* karya Ab. Rani Embi, *Terima Kasih Pejuang* karya Ani Omar, *Kita Mesti Menang* karya Azman Rahmat atau Zamankasih, *Kau Pejuang* karya Aida Azmar, *Barisan Hadapan* karya Elia Hasimi dan *Terima Kasih Barisan Hadapan* karya Juhairiah Ali, gurindam *Wira Negara* dan sajak *Wira Barisan Hadapan* karya Masdarina Mohd Ani (*Betapa Berat*), gurindam *Wira Barisan Hadapan* karya Asni Annuar (*Betapa Berat*) merupakan antara beberapa sajak dan gurindam yang menyuntik semangat barisan hadapan negara untuk sentiasa kekal tabah bagi mengekang penularan COVID-19. Puisi-puisi ini merupakan denyut nadi penyair yang didedikasikan kepada petugas barisan hadapan di hospital, polis dan tentera yang bertugas mengawal sekatan jalan raya dan mengawal sempadan negara ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan bagi memastikan penularan COVID-19 dapat dikawal.

Seterusnya, terdapat juga penyair yang mengenenagahkan isu-isu yang berkaitan dengan sains perubatan yang berhubungkait dengan virus COVID-19. *Syair Mengenal Virus Korona* karya Zulkifli Zainudin menjelaskan bagaimana virus ini merebak dan kesannya kepada individu yang dijangkiti. Isu-isu berkaitan dengan langkah pencegahan COVID-19 pula dapat dilihat menerusi beberapa buah karya seperti gurindam *Kafarah* karya Mahaya Mohd. Yassin dan sajak *Novel Coronavirus 2019* karya Shahrul Nizam Shahr. Dalam antologi puisi *Betapa Berat* pula, syair *Putuskan Rangkaian Peliharaan Kesihatan* karya Damarzuhra merupakan antara puisi yang menyarankan tentang kepentingan kuarantin diri di rumah bagi mengelakkan virus merebak dengan lebih cepat selain sentiasa menjaga kebersihan diri. Hal ini selari dengan tuntutan Islam yang sentiasa menjaga kemaslahatan umatnya.

Kaedah pengasingan diri atau kuarantin ini merupakan salah satu cara untuk mencegah penularan wabak COVID-19 yang boleh membawa kemudaratan atau kemusnahan kepada orang lain. Menurut Mohd Asri Zainul Abidin (2014) “menyelamatkan diri daripada kemusnahan merupakan tuntutan Islam. Dilarang menghampiri sebab-sebab yang membawa kemusnahan diri. Nabi SAW ketika berbicara tentang taun menyebut: *Jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat, sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya.* Hadis ini mengajar tentang tindakan kuarantin agar penyakit atau wabak tidak tersebar” (hlm. 70-71).

Dalam aspek pengurusan tentang pencegahan COVID-19, pantun *Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)* dan *Kita Jaga Kita* karya Zulkifli Zainudin, gurindam *Perintah Kawalan Pergerakan* karya Jamil Akok, sajak *Petaka Virus-Diamlah di rumah* karya Zamankasih dan sajak *PKP* karya Elia Hasimi merupakan antara karya yang membincangkan tentang langkah-langkah pencegahan COVID-19, manakala dalam antologi puisi *Betapa Berat*, langkah pencegahan penularan COVID-19 ini boleh dilihat melalui pantun *Pencegahan Virus Corona (I)* dan *(II)* karya Aisah Seydalavi. Penjagaan kesihatan diri amat penting bagi mengekang penularan COVID-19 selari dengan tuntutan Islam yang sangat mengambil berat tentang aspek penjagaan kebersihan dan kesihatan diri.

Impak COVID-19 terhadap masyarakat terutama dalam aspek ekonomi pula dapat dilihat dalam antologi puisi *Betapa Berat* menerusi karya Saasobah @ Nor Adibah Ali bertajuk *Terkesan* dan sajak *Sesuai Rezeki* karya Noriza Hashim. Menerusi kedua-dua sajak ini, penyair menyampaikan suara hati golongan rakyat yang terjejas dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi menghentikan penularan COVID-19. Golongan penjaja, pemandu grab dan rakyat yang bekerja sendiri tidak lagi dapat keluar mencari rezeki dan seterusnya hilang punca pendapatan sepanjang tempoh PKP dilaksanakan. Malah, COVID-19 juga telah berjaya mengucar-kacirkan ekonomi masyarakat dunia dan memberi impak yang besar kepada ekonomi dunia secara keseluruhannya.

### **Antologi Puisi Islami Covid-19 Ibrah Buat Umat**

*COVID-19: Ibrah Buat Umat* diterbitkan oleh Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) iaitu sebuah badan dakwah Islamiah di Malaysia. Antologi puisi ini diterbitkan untuk mengajak pembaca bersama-sama muhasabah diri untuk mengambil iktibar dan hikmah di sebalik COVID-19 dan berjaya mengumpulkan sebanyak 76 buah puisi daripada 57 orang penulis. Sesuai dengan judul antologi puisi Islami, virus COVID-19 dilihat oleh para penyair daripada sudut positif iaitu kebergantungan manusia kepada Allah yang memberi ibrah dan hikmah. Hal ini terserlah antaranya dalam puisi bertajuk *COVID-19, Ibrah Tuhan kepada Umat* karya Dhiyah Alias, *Berehatlah Wahai Bumi* karya Nordin Hashim, *COVID-19 dan Ramadan* karya Fauzan, *Hadirlah Ramadan Pergilah COVID-19* karya Habil Naqeeb Hasri dan *Sujud* karya Latifah Zainol. Puisi-puisi ini mengajak pembaca untuk merenung kembali segala kesilapan diri agar kembali mendekatkan diri kepada Yang Maha Pencipta yang telah mendatangkan penyakit tersebut.

Sajak berjudul *Jejak Pahlawan Barisan Hadapan* karya Ibnu Qassim, *Buat Pejuang Hadapan* dan *Jasamu* karya Hasri Harun, *Pejuang Negara* karya Wawa Aisyah merupakan antara beberapa judul sajak yang didedikasikan kepada pejuang barisan hadapan negara yang bertungkus lumus bekerja bagi memastikan penularan COVID-19 di Malaysia dapat diputuskan. Sebagaimana yang diketahui, petugas barisan hadapan seperti petugas kesihatan, polis dan angkatan tentera merupakan antara golongan yang berada di barisan hadapan bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menjaga SOP dan mengamalkan normal baharu dalam kehidupan. Segala kerja keras mereka itu diolah oleh para penyair dalam bentuk puisi bagi menghargai segala usaha yang dilakukan oleh mereka dalam usaha Malaysia membendung penularan COVID-19.

## **IMPLIKASI DAPATAN KAJIAN**

Pandemik COVID-19 telah merencanakan penulisan puisi di Malaysia yang dapat dilihat menerusi beberapa buah puisi bertemakan COVID-19 yang terbit pada tahun 2020. Puisi-puisi ini juga ditulis ketika kerajaan mula melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 untuk membendung penularan COVID-19. Berdasarkan analisis terhadap antologi puisi COVID-19 berjudul *Merentas Gempita Pandemik 2020, Petaka Virus, Betapa Berat dan COVID-19 Ibrah Buat Umat* jelas menunjukkan bahawa pandemik COVID-19 telah meninggalkan impak yang begitu besar terhadap masyarakat secara keseluruhannya. Hal ini telah disuarakan oleh para penyair dalam puisi-puisi mereka yang didedikasikan kepada perjuangan barisan hadapan negara yang bertungkus lumus melawan pandemik COVID-19 yang begitu pantas menular. Puisi-puisi ini juga sarat dengan gambaran masyarakat yang terkesan dengan pandemik COVID-19 dalam aspek psikologi, sosial, agama, budaya, pendidikan, kesihatan dan ekonomi. Penutupan masjid/surau, sekolah, institusi pengajian tinggi dan penutupan sebahagian sektor ekonomi menyebabkan ramai masyarakat kehilangan pekerjaan sekaligus memberi tekanan hidup kepada mereka. Saranan daripada kerajaan untuk sentiasa kekal berada di rumah memberi kesan psikologi kepada masyarakat kerana rutin tersebut adalah sesuatu yang tidak pernah dilakukan oleh masyarakat sebelum ini.

Namun begitu, pencegahan penyakit berjangkit ini memerlukan kerjasama daripada segenap lapisan masyarakat agar pandemik ini dapat dikawal sepenuhnya. Oleh hal yang demikian, puisi-puisi yang berkaitan dengan penjagaan kebersihan diri dan kuarantin sendiri merupakan suatu usaha para penyair untuk mengajak pembaca bersama-sama menjaga kebersihan diri dan mengasingkan diri jika bergejala atau terdedah secara langsung dengan kontak rapat pesakit COVID-19. Masyarakat juga diajak untuk mengamalkan normal baharu dalam kehidupan seharian seperti sentiasa memakai pelitup muka (*mask*), sentiasa membasuh tangan dengan sabun atau *hand sanitizer* dan mengamalkan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya satu meter antara satu sama lain.

Melalui puisi-puisi ini juga pembaca diajak untuk bersama-sama berfikir dan mengambil iktibar atas ujian COVID-19 kerana segala musibah yang berlaku adalah tanda peringatan daripada Allah kepada hamba-Nya. Menurut Nooraini Sulaiman, Zawiah Mat dan Sazelin Arif (2020) “sebagai manusia yang beriman dan yakin dengan ketentuan Allah SWT kita hendaklah berusaha bersungguh-sungguh dalam memerangi pandemik ini di samping berdoa dan bertawakal” (hlm. 95) sebagaimana yang dituntut dalam Islam. Rakyat Malaysia juga seharusnya berganding bahu dengan kerajaan untuk sama-sama berjuang melawan pandemik ini. Keperluan menjaga Prosedur Operasi Standard (SOP) perlu diamalkan kerana perjuangan ini belum selesai dan belum menemui titik noktahnya. Justeru, amalan normal baharu ketika pandemik ini adalah langkah yang boleh diambil oleh masyarakat untuk mengekang penularan COVID-19 sebagaimana yang disuarakan oleh penyair dalam puisi-puisi mereka.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, karya sastera seperti puisi mampu merakam segala aspek kehidupan manusia. Ketika dunia sedang berperang dengan COVID-19 sehingga mencetuskan pandemik, puisi-puisi tentang COVID-19 rancak dijalankan sama ada secara dalam talian mahupun dalam bentuk penerbitan seperti antologi puisi yang telah dibincangkan. Antologi puisi ini telah merakam segala pengalaman pahit getir rakyat Malaysia ketika berhadapan dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang memaksa rakyat untuk kekal berada di rumah dan tidak keluar rumah tanpa sebarang urusan. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan perasaan bosan, malah rakyat juga takut, resah dan gelisah apabila saluran televisyen dan media massa melaporkan jumlah kematian akibat pandemik COVID-19 di seluruh dunia semakin hari semakin meningkat. Justeru, detik-detik hitam yang melanda seluruh dunia ketika berhadapan dengan pandemik ini dirakamkan dalam bentuk puisi yang dapat menjadi rujukan penting kepada rakyat Malaysia suatu masa nanti tentang pandemik COVID-19.



## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2006). *Mendekati puisi Melayu tradisional*. Tanjong Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Abdul Halim Ali. (2013). *Di sekitar puisi Melayu moden*. Tanjong Malim. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ani Omar. (2012). Nukilan sajak merdeka dalam membangunkan bahasa, sastera dan budaya bangsa melalui pengajian kesusasteraan Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 3, 195-213.
- Beden, S. (2019). Prinsip kehadiran dalam novel-novel Jong Chian Lai: Analisis teksdealisme. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 36-56. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.4.2019>
- Junaidi, R., Tengku Mohd Ali, T. I. M., & Mamat@Mustaffa, M. (2020). Pandemik COVID-19 dalam persekitaran kanak-kanak menerusi Engkaulah Adiwiraku. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 11, 31-45. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.3.2020>
- Lim Swee Tin. (2020). *Kumpulan puisi Merentas Gempita Pandemik 2020*. Penerbit UTeM.
- Ludwig Stephan & Alexander Zarbock (2020). Coronaviruses and SARS-CoV-2: A brief overview. *Journal Wolters Kluwer Public Health Emergency Collection*. 1-4. doi: [10.1213/ANE.0000000000004845](https://doi.org/10.1213/ANE.0000000000004845)
- Mohd Asri Zainul Abidin. (2014). *Penawar duka pengubat sengsara*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Munsi Mohamad Musip & Ahmad Fadli Mohd Fuzi (penyelenggara). (2020). *Antologi Puisi Petaka Virus puisi-puisi tulus tentang kisah di sebalik wabak korona @ Covid-19*. Melaka: Wacana MBM.
- Munsi Mohamad Musip & Ahmad Fadli Mohd Fuzi (penyelenggara). (2020). *Antologi Puisi Betapa Berat puisi-puisi sendu bertemakan wabak korona @ Covid-19*. Melaka: Wacana MBM.
- Nooraini Sulaiman, Zawiah Mat & Sazelin Arif. (2020). Aplikasi kaedah fiqh dalam menghadapi pandemik COVID-19. Dalam Sazelin Arif, Norain Ismail & Zawiah Mat. *Pandemik COVID-19 di Malaysia isu dan cabaran*. (hlm 93-105). Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Sarudin, A. (2020). Ulasan buku: "Engkaulah adiwiraku: Bagaimana kanak-kanak boleh melawan COVID-19!". *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 9(1), 48-57. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol9.1.5.2020>
- Sazelin Arif, Norain Ismail & Zawiah Mat. (2020). *Pandemik COVID-19 di Malaysia isu dan cabaran*. Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.
- Shahul Hamid, M. N., Md Ali, R. & Ramli, M. W. (2021) Impak perintah kawalan pergerakan terhadap golongan miskin: Satu analisis cerpen 'Kuncitara'. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(2), 1-8. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i2.645>.
- Shahnon Ahmad. (2006). *Setitis embun semarak api*. Selangor: Alaf 21 Sdn. Bhd.
- Suliman, M. S., Hiroyuki, Y., Ab. Jabar, N., Xuan, L. Y., & Mat Daud, M. S. (2021). Impak Pandemik COVID-19 terhadap bidang bahasa, sastera dan budaya di Malaysia. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12, 10-20. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.edisikhas.2.2021>